



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERUNTUKAN TAMBAHAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN

Merujuk kepada beberapa siri laporan berita mengenai ketidakcukupan peruntukan penyenggaraan jalan Persekutuan, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta daripada RM610 juta seperti yang dijanjikan. Baki selebihnya akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan secara berperingkat.

Dengan kelulusan peruntukan tambahan ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) akan memfokuskan penyenggaraan jalan yang berkait dengan aspek keselamatan dan penyenggaraan tertunggak (backlog maintenance). Sebanyak RM150 juta diperuntukkan untuk penyenggaraan pavemen berkala, RM40 juta untuk penyenggaraan rutin dan RM10 juta untuk penyenggaraan cerun jalan Persekutuan yang dikhususkan untuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Kerja Raya amat berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang sentiasa menyokong usaha Kementerian Kerja Raya bagi melaksanakan tugas memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak media, orang awam termasuk Rakan KKR yang sentiasa memberikan maklumbalas aduan mengenai penyenggaraan jalan Persekutuan.

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dan memberikan perhatian utama kepada usaha memastikan keadaan jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan oleh pengguna jalan raya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
20 MAC 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my